



UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SOLAR ENERGY
PURCHASING (SEP) UNTUK
BANGUNAN KKR & JKR
16 MAC 2021**

PENGENALAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada Majlis Pelancaran Program Solar Energy Purchasing

(SEP) Untuk Bangunan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia pada hari ini. Biarpun diadakan dalam keadaan serba ringkas dan pautan disediakan untuk menyertai majlis ini secara maya demi mematuhi SOP norma baharu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun majlis ini amat besar maknanya bagi kita semua.

2. Syabas dan tahniah kepada JKR dan juga rakan strategiknya Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta anak syarikatnya GSPARX Sdn Bhd di atas Perjanjian Persefahaman yang telah dimeterai sebelum ini bagi mempelopori dan mengkaji potensi inisiatif dalam bidang Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy* – RE) di bangunan KKR dan JKR Malaysia.

3. Kajian dan penyelidikan adalah amat penting sebagai proses meningkatkan pengetahuan dalam menghasilkan produk yang berinovasi tinggi. Ia juga penting bagi menentukan kejayaan dan meningkatkan kecekapan dalam kualiti penyampaian perkhidmatan. Saya percaya program yang akan dilaksanakan ini telah diperhalusi dari segi konteks perundangan disamping memelihara kepentingan Kerajaan.

PROGRAM SEP & NEM3.0

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program Solar Energy Purchasing (SEP) adalah satu bentuk inisiatif dimana pemilik bangunan atau pengguna boleh menikmati *zero upfront cost dan zero capex*, iaitu tidak perlu mengeluarkan sebarang kos bagi pemasangan Sistem Solar Photovoltaic (PV) melalui satu mekanisme penyewaan di bawah perjanjian *Supply Agreement for Renewable Energy (SARE)*. Ia dibuat atas konsep pembayaran bil bulanan dengan tarif khas bagi penjanaan tenaga elektrik daripada sistem solar dan akan tercatat dalam bil TNB bulanan. Dengan tarif penjanaan tenaga elektrik daripada sistem solar yang lebih rendah daripada tarif TNB semasa, ini akan memberikan manfaat dari segi penjimatan bil elektrik bulanan kepada pemilik bangunan.

5. Pelaksanaan Program SEP ini juga adalah selaras dengan Skim Pemeteran Tenaga Bersih atau *Net Energy Metering (NEM)* yang telah diperkenalkan Kerajaan bagi menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharui di Malaysia disamping menjimatkan bil elektrik pengguna.

6. Menteri Tenaga dan Sumber Asli melalui kenyataan akhbar bertarikh 29 Disember 2020, telah memperkenalkan program Net Energy Metering 3.0 (NEM 3.0) yang bertujuan untuk memberi lebih banyak peluang kepada pengguna elektrik untuk

menjimatkan bil elektrik melalui pemasangan sistem solar di premis pengguna.

7. Program NEM 3.0 turut memperkenalkan inisiatif NEM GoMEN yang dikhaskan untuk premis agensi Kerajaan dengan jumlah kuota kapasiti pemasangan sistem solar sebanyak 100 MegaWatt (MW).

SASARAN DAN MANFAAT PROGRAM SEP

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

8. Semua sedia maklum bahawa pihak Kementerian melalui JKR Malaysia telah lebih tujuh belas (17) tahun terlibat dalam teknologi sistem solar bagi projek-projek pembangunan Kerajaan khususnya bagi program Bekalan Elektrik untuk sekolah-sekolah luar bandar seluruh Malaysia.

9. Manakala melalui Program SEP ini, ia dilihat sebagai usaha Kementerian ini dalam menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara bagi meningkatkan kapasiti Tenaga Boleh Diperbaharui sehingga 20% daripada kapasiti keseluruhan penjanaan tenaga elektrik pada tahun 2025. Secara tidak langsung dapat mengurangkan pelepasan karbon daripada sektor bangunan

Kerajaan dan menghasilkan bangunan Kerajaan yang cekap tenaga.

10. Sebagai permulaan, Kementerian dan JKR Malaysia bekerjasama dengan TNB bagi pelaksanaan program rintis ini yang melibatkan dua belas (12) bangunan terdiri daripada bangunan KKR, Bangunan Ibu Pejabat JKR Malaysia serta sepuluh (10) buah bangunan JKR Elektrik Negeri dengan jumlah sasaran kapasiti solar terpasang sebanyak 1.2 MegaWatt (MW). Jumlah ini adalah bersamaan 1.2% daripada keseluruhan kuota inisiatif NEM GoMEEn yang ditetapkan.

11. Saya difahamkan Program SEP ini mensasarkan penjimatan tenaga sehingga RM9.27 juta bagi tempoh perjanjian selama 21 tahun dimana penjimatan tahun pertama dianggarkan sebanyak RM197,548. Ini adalah merupakan penjimatan segera yang akan dinikmati oleh pihak KKR dan JKR Malaysia tanpa mengeluarkan sebarang kos pemasangan dan kos penyelenggaraan disamping dapat mengurangkan perbelanjaan kos bayaran utiliti bulanan.

12. Penjanaan tenaga daripada sumber sistem solar yang mesra alam ini dijangka dapat menghasilkan 1,400 MegaWatt hour (MWh) setahun bersamaan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 819 tan CO₂ setahun.

13. Saya juga menjangkakan program rintis ini mampu menjadi pemangkin bagi pemasangan sistem solar di kesemua bangunan KKR dan JKR Malaysia di seluruh Negara. Dianggarkan, Kementerian ini sahaja mampu menyumbang hampir 10% daripada kuota NEM GoMEN dengan penjimatan bil elektrik sehingga RM70 juta dalam tempoh 21 tahun perjanjian.

PERANAAN KEMENTERIAN & JKR DALAM MENYOKONG INISIATIF TENAGA BOLEH BAHARU & TEKNOLOGI HIJAU

Hadirin Sekalian,

14. Saya sentiasa menggalakkan warga Kerja Raya untuk meneroka dan memanfaatkan teknologi terkini serta menghasilkan inovasi-inovasi baharu dalam bidang teknologi hijau atau lestari ini. Saya amat yakin program ini akan menjadi contoh atau '*Leading by Example*' kepada Agensi Kerajaan yang lain untuk berusaha ke arah penggunaan tenaga yang lebih cekap dengan penerapan elemen lestari dalam seluruh aspek pembinaan termasuk jalan, bangunan dan jambatan.

15. Selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara, saya juga amat berharap program rintis ini dapat menjadi satu contoh dan rujukan yang baik bagi penglibatan lebih menyeluruh daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi memenuhi kuota yang telah diperuntukkan.

16. Saya berharap kerjasama strategik ini, akan memberi manfaat khususnya kepada JKR serta mampu merealisasikan aspirasi KKR dalam memacu pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara. Ini adalah bertepatan dengan Teras Keempat : Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 iaitu bagi memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

HARAPAN KEMENTERIAN

17. Adalah menjadi harapan KKR supaya inisiatif-inisiatif pengukuhan kerjasama di antara kerajaan dan pihak GLC mahupun swasta akan menjadi tulang belakang dan nadi pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur Negara.

18. Pelan Strategik Organisasi KKR 2021 – 2025 yang dirangka memfokuskan kepada usaha industri pembinaan dalam pemulihan semula ekonomi Malaysia ke arah merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Pelan ini telah mengambil kira analisis persekitaran dan cabaran-cabaran isu semasa serta turut menekankan kerjasama strategik KKR bersama institusi awam dan swasta. Ini bertujuan melahirkan personel dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam

bidang Tenaga Boleh Diperbaharui ketika kita mendepani Rancangan Malaysia Ke-12, kesediaan menerokai Revolusi Industri 4.0 dan dasar-dasar semasa.

19. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada JKR Malaysia khususnya, serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan anak syarikatnya iaitu GSPARX Sdn Bhd di atas termeterainya perjanjian ini. Saya berharap kerjasama ini diteruskan dengan kajian dan penyelidikan yang memberi impak besar kepada industri pembinaan negara amnya dan penghasilan bangunan yang lestari khususnya.

20. Akhir kata, dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Program Solar Energy Purchasing (SEP) Untuk Bangunan KKR dan JKR.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.